

26/09/2002

Tiga parti BN minat letak calon

KOTA KINABALU, Rabu - Perebutan tempat bagi mewakili Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Gaya, pertengahan bulan depan semakin hangat apabila dua lagi parti komponen dilaporkan berminat meletakkan calon masing-masing.

Selain Parti Maju Sabah (SAPP) yang dipimpin bekas Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, Parti Bersatu Sabah (PBS) dan Umno kini turut menyertai senarai berminat berbuat demikian.

Pengerusi BN Sabah merangkap Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, mengesahkan sendiri perkara itu ketika ditemui selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet negeri di pejabatnya di Teluk Likas, hari ini.

Bagaimanapun, beliau menafikan keinginan ketiga-tiga parti komponen BN Sabah untuk meletakkan calon masing-masing itu akan menimbulkan kontroversi dan sebaliknya menyifatkan ia sebagai 'perkara jelas'.

"Sekarang ini ada tiga parti berminat bertanding iaitu Umno, SAPP dan PBS. Saya fikir ini adalah perkara jelas dan tidak menjangkakan sebarang kontroversi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada sudah menerima sebarang cadangan daripada parti komponen BN Sabah, berhubung calon yang akan bertanding dalam pilihan raya kecil itu.

Pilihan raya kecil Gaya akan diadakan pada 12 Oktober manakala penamaan calon sembilan hari sebelum itu.

Kerusi berkenaan kosong selepas Yong hilang kelayakan sebagai Ahli Parlimen, susulan keputusan Mahkamah Pilihan Raya mendapati beliau terbabit rasuah pada pilihan raya umum 1999.

Chong menegaskan BN negeri akan menyerahkan nama calon yang akan bertanding dalam pilihan raya kecil kepada Perdana Menteri merangkap Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi pertimbangan.

"Adalah menjadi kelaziman bagi BN negeri, sama ada pilihan raya kecil atau umum, kita akan serahkan nama calon terbabit kepada Pengerusi BN untuk pertimbangan," katanya.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri merangkap Timbalan Pengerusi BN, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilaporkan berkata, calon yang terpilih mewakili parti itu akan diumumkan oleh Dr Mahathir.

Chong yang juga Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP) turut menolak sebarang tanggapan kemungkinan BN negeri tidak memberi sokongan padu sekiranya calon parti yang terpilih itu adalah daripada SAPP.

Beliau berkata sokongan serta kerjasama tidak berbelah parti terhadap calon SAPP terbukti dalam pilihan raya kecil Likas lalu, apabila Yong memenangi semula kerusi itu.

"Kita dapat lihat dalam pilihan raya kecil lalu, semua orang bekerja kuat untuk memastikan kemenangan Yong sebagai calon BN dan kita berjaya memenangnya. Jadi kita tidak jangka sebarang kontroversi kali ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Chong berkata, mesyuarat Kabinet negeri hari ini turut memperakukan cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menambah jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 48 kepada 60 kawasan.

Katanya, cadangan itu akan dibentangkan dalam mesyuarat DUN pada 24 Oktober ini bagi mendapat kelulusan.

Dua belas kerusi baru itu ialah Karambunai, Luyang, Kepayan, Membakut, Paginatan, Liawan, Sook, Gum-Gum, Tungku, Bugaya, Apas dan Tanjung Batu.

